

## KEPUTUSAN MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU TENTANG NASAB ANAK TAK SAH TARAF: KRISIS PERUNDANGAN?

### TERENGGANU SHARIAH HIGH COURT DECISION ON ILLEGITIMATE CHILD: LEGAL CRISIS?

Irwan Mohd Subri<sup>i</sup> Zulkifli Hassan<sup>ii</sup> & Lukman Abdul Mutalib<sup>iii</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding author). Prof. Madya & Pengarah, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Universiti Sains Islam Malaysia. irwan@usim.edu.my

<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. zulkifli@usim.edu.my

<sup>iii</sup> Prof. Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. lukman@usim.edu.my

---

#### Abstrak

*Isu anak tak sah taraf antara perkara yang dibincangkan di Malaysia sama ada dari sudut fiqah atau undang-undang. Artikel ini menganalisa beberapa keputusan Mahkamah Syariah Tinggi Terengganu tentang anak tak sah taraf. Ia dikaji dari sudut sama ada ia bertentangan dengan fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu atau tidak. Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif melalui temubual bersama mantan Ketua Hakim Syarie Terengganu dan analisis dokumen terhadap keputusan-keputusan Mahkamah Syariah Tinggi Terengganu, fatwa-fatwa dan juga buku-buku berkaitan anak tak sah taraf. Hasil kajian mendapati bahawa fatwa yang diwartakan yang melarang anak tak sah taraf dinasabkan kepada ayah biologi terlalu umum. Sehubungan itu, keputusan Mahkamah Syariah Tinggi Terengganu tentang anak tak sah taraf tidak berlawanan dengan fatwa yang telah diwartakan itu.*

Kata kunci: *Anak tak sah taraf, mahkamah, syariah, fatwa, fiqah.*

---

#### Abstract

*Issue of illegitimate child is among matters discussed in Malaysia whether from the point of fiqh or law. This article analyzes some of the Terengganu Shariah High Court decisions concerning illegitimate child. The decisions are studied from the point of whether it is contrary to the fatwa of State Fatwa Committee or not. This article uses qualitative methods through interview with former Syarie Chief Judge of Terengganu and document analysis of the results of the Terengganu Syariah High Court, fatwas and also books related to illegitimate child. The study found that the gazetted fatwa prohibiting illegitimate child to use name of his/her biological father is too general. Therefore, the decision of Terengganu Shariah High Court concerning illegitimate child does not contradict with that gazetted fatwa.*

Keywords: *Illegitimate child, court, shariah, fatwa, fiqh.*

---

#### PENDAHULUAN

Anak tak sah taraf adalah satu istilah moden yang menggambarkan seorang anak yang dilahirkan di luar perkahwinan yang sah dari segi syarak. Kebiasaannya dalam kitab-kitab fiqh, anak tak sah taraf disebut sebagai anak zina. Dr. Ramadan <sup>o</sup>Aliyy al-Sayyid al-Sharanbasiyy (2002) mendefinisikan anak zina sebagai:

ولد الزنا هو ولد غير شرعي جاء من سفاح كما هو معروف

Maksudnya, "Anak zina ialah anak tidak syarie yang terhasil daripada perbuatan keji (zina) seperti yang diketahui".

Manakala Dr. Jum<sup>o</sup>ah Muhammad Muhammad Barraji (1999) mendefinisikan anak zina sebagai:

ولد الزنا هو الولد الذي يجيء نتيجة اتصال الرجل بالمرأة بغير زواج شرعي، أي ما كان بطريق السفاح، أو هو ثمرة العلاقة الآثمة بين الرجل والمرأة، ويسمى بالولد غير الشرعي

Maksudnya, "Anak zina ialah anak yang terhasil akibat perhubungan jenis lelaki dengan perempuan, tanpa perkahwinan syarie, yakni dengan cara keji (zina), atau akibat hubungan terlarang antara lelaki dan perempuan dan dia dinamakan anak tak sah taraf".

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-57 yang bersidang pada 10 Jun 2003 telah membincangkan mengenai Anak Tak Sah Taraf. Muzakarah telah memutuskan seperti berikut:

a. Anak Tak Sah Taraf ialah:

- i. Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan.
- ii. Anak dilahirkan kurang dari 6 bulan 2 lahzah (saat) mengikut Takwim Qamariah daripada tarikh tamkin (setubuh) (<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/anak-tak-sah-taraf>).

Artikel ini cuba membincangkan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu tentang pengesahan nasab anak tak sah taraf dari sudut perundangan. Setakat ini hanya Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu yang membolehkan anak tak sah taraf dibinkan kepada ayah biologi. Dari satu segi, pada zahirnya ia kelihatan bercanggah dengan fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu.

Seksyen 12, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 memperuntukkan:

*"Mana-mana orang yang memberikan, mengembangkan atau menyebarkan apa-apa pendapat tentang ajaran Islam, Hukum Syarak atau apa-apa isu yang bertentangan dengan mana-mana fatwa yang sedang berkuat kuasa di Negeri Terengganu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya".*

Jadi, adakah keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu tentang pengesahan nasab anak tak sah taraf menyebabkan krisis perundangan khususnya di Terengganu?

## METODOLOGI KAJIAN

Bagi memastikan dapatan kajian melalui analisa kes ini dibuat secara komprehensif dan tepat, penulis menggunakan kaedah temubual semi struktur. Penulis bukan sahaja telah meneliti kes bahkan telah menemubual sendiri mantan Ketua Hakim Syarie Negeri Terengganu, Dato' Haji Ismail bin Yahya yang telah memutuskan beberapa kes dan membenarkan anak tak sah taraf dibinkan atau dinasabkan kepada bapa biologinya. Temubual diadakan pada 21 Oktober 2012 di kamar Ketua Hakim Syarie Negeri Terengganu sendiri.

Informan terpilih untuk ditemubual kerana hanya Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu yang membolehkan anak tak sah taraf dibinkan kepada ayah biologi di Malaysia. Informanlah yang mengetuai perbincangan kes-kes tersebut dan memutuskan bahawa anak tak sah taraf boleh dinasabkan kepada ayah biologi yang menyebabkan kelahirannya.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu Tentang Anak Tak Sah Taraf**

Berikut ialah kes-kes yang telah diputuskan di mana Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu<sup>1</sup> yang telah membenarkan permohonan pengesahatarafan anak tak sah taraf. Kes-kes ini boleh dibahagikan kepada empat situasi iaitu:

- i. Kesahatarafan anak yang lahir kurang enam bulan daripada tarikh perkahwinan.
- ii. Kesahatarafan anak yang lahir lebih enam bulan daripada tarikh perkahwinan.
- iii. Kesahatarafan anak yang lahir setelah berlakunya penceraian.
- iv. Kesahatarafan anak dalam kes watie syubhah.

### **Kesahatarafan Anak yang Lahir Kurang Enam Bulan Daripada Tarikh Perkahwinan**

Dalam kes *Zafrin Zulhilmi bin Pauzi v Noor Aini binti Nasron* Kes No: 11300-006-0033-2012 di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu yang diputuskan pada 7 Ogos 2012. Kes ini merujuk kepada permohonan oleh Zafrin Zulhilmi bin Pauzi, pemohon, supaya Mahkamah membuat sabitan bahawa bayi perempuan, Nur Damia Aqilla binti Abdullah adalah anak sah taraf mengikut hukum syarak bagi pasangan Noor Aini binti Nasron dengan pemohon.

Merujuk kepada sijil kelahiran, bayi perempuan tersebut telah dilahirkan pada 3 September 2010. Pemohon telah diakadnikahkan dengan Noor Aini binti Nasron, Responden pada 16 April 2010. Responden tidak pernah membantah permohonan pemohon, malah turut menyokong permohonan supaya Nur Damia Aqilla disabitkan sebagai anak sah taraf mengikut hukum syarak kepada Zafrin Zulhilmi bin Pauzi, Pemohon. Bayi perempuan tersebut, Nur Damia Aqilla dilahirkan kurang dari enam bulan daripada tarikh akad nikah perkahwinan iaitu hanya selama empat bulan dua puluh empat hari.

Setelah meneliti fakta dan keterangan, Mahkamah telah membuat keputusan bahawa bayi bernama Nur Damia Aqilla binti Abdullah hendaklah dinasabkan kepada kepada pemohon, Zafrin Zulhilmi bin Pauzi. Mahkamah berpandangan bahawa anak tak sah taraf boleh dinasabkan kepada bapa walaupun anak tersebut dilahirkan kurang daripada enam bulan tarikh akad nikah. Mahkamah walau bagaimanapun memutuskan bahawa pemohon tidak boleh menjadi wali kepada bayi tersebut dan juga tidak boleh saling mempusakai.

### **Kesahatarafan Anak Yang Lahir Lebih Enam Bulan Daripada Tarikh Perkahwinan**

Merujuk kepada kes *Wan Khairi Wan Azmi v Farah Nurliliana Jauhari* [2011] 1 CLJ (Sya) 344 yang melibatkan permohonan oleh suami (pemohon) supaya Mahkamah membuat sabitan bahawa bayi lelaki yang telah dilahirkan oleh isterinya, Farah Nurliliana binti Jauhari, pada 7 Disember 2010 jam 9.20 pagi adalah anak sah taraf mengikut hukum syarak.

Dalam kes ini Mahkamah telah membuat sabitan bahawa seorang bayi lelaki yang telah dilahirkan oleh Farah Nurliliana binti Jauhari pada 7 Disember 2010 adalah anak sah taraf mengikut hukum syarak dan perlu dinasabkan kepada Wan Khairi bin Wan Azmi. Setelah meneliti fakta dan keterangan kes, Mahkamah mensabitkan bahawa bayi lelaki yang telah dilahirkan oleh Farah Nurliliana binti Jauhari pada 7 Disember 2010 adalah mengikut hukum syarak dan hendaklah dinasabkan (dibinkan) kepada Wan Khairi bin Wan Azmi.

Menurut perkiraan hakim, anak tersebut telah dilahirkan enam bulan empat hari selepas tarikh perkahwinan ibubapanya. Walaupun diragui status kesahatarafan anak tersebut berdasarkan tempoh kelahirannya, Hakim mendapati bahawa Responden telah melahirkan bayi lelaki berkenaan itu dalam tempoh melebihi enam bulan dua saat (*lahzah*) daripada tarikh akad nikah perkahwinannya dengan pemohon.

---

<sup>1</sup> Temubual bersama Dato' Haji Ismail bin Yahya. Mantan Ketua Hakim Syarie Negeri Terengganu, 21 Oktober 2012. Kamar Ketua Hakim Syarie Negeri Terengganu.

### **Kesahatarafan Anak Yang Lahir Setelah Berlakunya Penceraian**

Dalam kes *Fatimah binti Abdullah dan Zainal Abidin bin Mat Zin v Mat Zin Bin Kassim*, kes No: 41-012-1-99 di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu yang diputuskan pada 26 Ogos 1999. Dalam kes ini Fatimah binti Abdullah dan Zainal Abidin bin Mat Zin telah membuat permohonan untuk mensabitkan bahawa Zainal Abidin bin Mat Zin adalah anak Mat Zin bin Kassim. Fatimah binti Abdullah telah berkahwin dengan Mat Zin bin Kassim pada 1 November 1976 dan telah bercerai pada 12 Disember 1976. Plaintif Kedua iaitu Zainal Abidin telah dilahirkan pada 26 November 1977 iaitu 350 hari iaitu kira-kira 11 bulan setelah berlakunya penceraian.

Setelah meneliti semua keterangan, Mahkamah memutuskan untuk mensabitkan bahawa Zainal Abidin bin Mat Zin yang dilahirkan pada 26 November 1977 adalah anak yang sah kepada Mat Zin bin Kassim. Mahkamah mendapati Defendan, Mat Zin bin Kassim tidak membuat penafian di mana-mana Mahkamah Syariah untuk menafikan Zainal Abidin bin Mat Zin yang dilahirkan pada 26 November 1977 itu adalah bukan anaknya.

Berdasarkan kepada pandangan fuqaha, hakim memutuskan bahawa sekiranya seseorang suami menceraikan isterinya dan isterinya itu tidak berkahwin lain, kemudian lahir anak oleh isteri tersebut dalam tempoh kurang daripada empat tahun daripada tarikh talaq itu, maka anak tersebut adalah dinasabkan kepada suami itu.

### **Kesahatarafan Anak Dalam Kes Watie Syubhah**

Dalam kes *Mohamad Kamil Hassan v Salmiah Hussein*, Kes No: 11300-054-0007-2010 di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu yang diputuskan pada 16 Mei 2010. Kes ini sebenarnya merujuk kepada permohonan untuk mengesahkan perceraian antara pemohon dengan responden.

Persoalan mengenai status kesahatarafan anak yang dilahirkan pada 22 Januari 2010 melalui persetubuhan syubhah adalah isu sampingan yang dibicarakan dalam kes ini. Merujuk kepada keputusan Mahkamah pada isu kesahatarafan anak yang dilahirkan daripada persetubuhan *syubhah* antara pemohon dengan responden, hakim telah menetapkan bahawa anak tersebut adalah anak kepada Mohd Kamil bin Hassan iaitu ayahnya dan dengan itu anak tersebut hendaklah dinasabkan kepada beliau.

### **FATWA TERENGGANU BERKAITAN ANAK TAK SAH TARAF**

Berikut ialah fatwa yang diwartakan di Terengganu berkenaan anak tak sah taraf.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 50(6) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M En. Tr. 2/2001), setelah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dan setelah dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu dengan ini menyiarkan fatwa yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa di bawah seksyen 50 Enakmen ini seperti berikut:

*"Anak tak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh itu mereka tidak boleh pusaka mempusakai, tidak menjadi mahram dan tidak boleh menjadi wali dan tidak diharuskan perkara-perkara yang diharuskan bagi keluarga yang sah tarafnya pada syarak"* (<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/anak-tak-sah-taraf-4>).

Berdasarkan fatwa di atas, ia menjelaskan bahawa anak tak sah taraf (tidak syarie) tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahiran anak tersebut. Selain daripada itu, anak tersebut tidak boleh mewarisi harta pusaka lelaki tersebut, tidak boleh mahram dan wali serta tidak menjadi tanggungjawab lelaki itu menyediakan nafkah kepada anak tersebut. Keputusan fatwa ini telah bersidang pada 19 Disember 2004 dan telah diwartakan bertarikh 6 Januari 2005. Nombor Rujukan keputusan tersebut adalah "SUK. Tr. 700/254(26); PUN. Tr".

Manakala fatwa berkaitan iaitu berkahwin dengan perempuan yang mengandung sebagaimana yang telah diajukan oleh masyarakat iaitu:

*“Apakah hukum orang yang berkahwin dengan perempuan yang mengandung, umur kandungannya ialah 6 bulan, apakah sah atau tidak perkahwinan tersebut dalam Islam. Hasil daripada perkahwinan tersebut anaknya lahir lebih kurang 3 bulan sahaja selepas mereka berkahwin. Kepada siapakah anak itu hendak dibinkan”.*

Jawatankuasa Fatwa yang bersidang pada hari ini membuat keputusan bahawa:

- 1. Perkahwinan tersebut adalah sah dari segi syara' sekiranya nikah itu menepati hukum syara' sekalipun perempuan itu sedang mengandung. Walau bagaimanapun perkahwinan seperti itu tidak digalakkan.*
- 2. Anak itu dibinkan kepada ibunya atau kepada Abdullah, bukan ayahnya.*

Keputusan tersebut tidak diwartakan dan telah diputuskan pada 5 Disember 1995 dibawah tajuk munakahat (<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/berkahwin-dengan-perempuan-yang-mengandung-0>).

## **PERBINCANGAN**

Setelah meneliti alasan penghakiman yang telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu, penulis mendapati bahawa Ketua Hakim Syarie Negeri Terengganu telah mengambil pandangan yang membenarkan anak tak sah taraf dinasabkan dan dibinkan kepada bapa biologinya hatta kepada sesiapa yang mengahwini ibu kepada anak tak sah taraf tersebut dengan syarat tertentu.

Dengan merujuk kepada pandangan Dr. <sup>o</sup>Abd al-Karim Zaydan berdasarkan kepada nas dan hadis berkaitan, Ketua Hakim Syarie Negeri Terengganu mengambil pendirian bahawa seseorang anak yang dilahirkan kurang dari enam bulan dari waktu akad nikah perkahwinan boleh dinasabkan kepada si lelaki yang mengahwini ibu yang mengandung dan melahirkan anak itu mengikut undang-undang atau peraturan-peraturan keduniaan, dan dengan syarat lelaki itu tidak menyatakan yang anak itu adalah anak dari perbuatan zinanya.

Kes-kes di atas juga menunjukkan bahawa peruntukan undang-undang seperti yang terkandung di bawah seksyen 13 dan 13A Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 memberi ruang seseorang anak yang dilahirkan kurang dari enam bulan daripada waktu akad nikah perkahwinan boleh dinasabkan kepada si lelaki yang mengahwini ibu yang mengandung dan melahirkan anak itu dengan syarat ibu dan orang yang mengaku dirinya sebagai bapa kanak-kanak itu membuat permintaan bersama, dan orang itu hendaklah dalam hal sedemikian menandatangani daftar itu bersama dengan ibu itu.

Seksyen 13 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 memperuntukkan:

*“Walaupun apa pun yang terkandung dalam peruntukan terdahulu di dalam Akta ini, dalam hal anak tidak sah taraf, tiada seorang pun sebagai bapa kepada kanak-kanak itu dikehendaki memberi maklumat berkenaan dengan kelahiran kanak-kanak itu, dan Pendaftar hendaklah tidak mencatatkan ke dalam daftar nama mana-mana orang sebagai bapa kanak-kanak itu kecuali atas permintaan bersama oleh ibu dan orang yang mengaku dirinya sebagai bapa kanak-kanak itu, dan orang itu hendaklah dalam hal sedemikian menandatangani daftar itu bersama dengan ibu itu”.*

Manakala seksyen 13A (1 & 2) Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 pula memperuntukkan:

*“(1) Nama keluarga, jika ada, yang hendak dicatatkan berkenaan dengan anak sah taraf hendaklah secara biasanya menjadikan nama bapa sebagai nama keluarganya, jika ada.*

*(2) Nama keluarga, jika ada, yang hendaklah dicatatkan berkenaan dengan anak tidak sah taraf boleh jika ibunya adalah pemberitahu dan secara sukarela memberi maklumat itu, menjadikan nama ibunya sebagai nama keluarganya; dengan syarat*

*bahawa jika orang yang mengaku dirinya menjadi bapa kanak-kanak itu mengikut peruntukan seksyen 13 meminta sedemikian, maka nama keluarga bolehlah diletak atas nama keluarga orang itu”.*

Walaupun Mahkamah Tinggi Syariah memutuskan untuk membenarkan permohonan untuk menasabkan dan membinkan seseorang anak yang dilahirkan kurang dari enam bulan dari waktu akad nikah perkahwinan, Ketua Hakim Syarie Negeri Terengganu berpandangan bahawa anak tersebut dan bapanya tidak boleh saling mempusakai dan bapa juga tidak boleh menjadi wali kepada anak tersebut. Hakim merumuskan bahawa persoalan kewalian dan kepusakaan bukanlah dikategorikan sebagai “*ahkam al-dunya*” di mana anak tersebut hanya boleh dibinkan kepada bapa biologinya tetapi penasaban ini tidak mengubah kedudukan dari sudut pewalian dan kepusakaan.

Selain itu, dalam kes *Fatimah binti Abdullah dan Zainal Abidin bin Mat Zin v Mat Zin Bin Kassim* dan *Wan Azmi v Nik Salwani*, Ketua Hakim Syarie Negeri Terengganu telah memutuskan untuk membenarkan pemohon untuk menasabkan anak yang lahir setelah berlakunya perceraian. Ketua Hakim Syarie Negeri Terengganu memutuskan bahawa sekiranya seseorang suami telah bercerai dengan isterinya dan isterinya itu tidak berkahwin lain, kemudian lahir anak oleh isteri tersebut dalam tempoh kurang dari empat tahun dari tarikh perceraian, maka anak tersebut adalah dinasabkan kepada suami itu.

Sekiranya suami itu ingin membuat penafian nasab anak, maka sebarang penafian mestilah dibuat segera. Ketua Hakim Syarie Negeri Terengganu mendapati bahawa penafian yang dibuat oleh suami itu antaranya adalah disebabkan untuk mengelakkan tanggungjawab memberi nafkah kepada anak tersebut.

Namun begitu, setelah diteliti kes yang diputuskan oleh Ketua Hakim Syarie Terengganu yang membenarkan permohonan pengesahatarafan anak tak sah taraf, pemerhatian penulis dibahagikan kepada dua bahagian.

### **Pertama**

Bagi penghakiman yang membenarkan permohonan anak tak sah taraf dalam kes kesahatarafan anak yang lahir lebih enam bulan qamariah daripada tarikh perkahwinan, kesahatarafan anak dalam kes suami menghilangkan diri, kesahatarafan anak yang lahir setelah berlaku perceraian dalam masa empat tahun dan kesahatarafan anak dalam kes watie syubhah:

Penulis mendapati bahawa berdasarkan kepada peruntukan undang-undang di bawah Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam Negeri Terengganu 1985, Mahkamah berbidangkuasa dan boleh untuk membenarkan permohonan pengesahatarafan anak tak sah taraf. Di samping itu, fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu yang diwartakan juga tidak menyebut atau melarang sesiapa untuk menasabkan anak tak sah taraf dalam kes di atas. Kesimpulan yang dapat dibuat di sini ialah, keputusan yang telah dibuat oleh hakim adalah selari dengan peruntukan undang-undang dan tidak berlawanan dengan keputusan fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu.

### **Kedua**

Bagi penghakiman yang membenarkan permohonan pengesahatarafan anak tak sah taraf yang lahir kurang enam bulan qamariah daripada tarikh perkahwinan:

Setelah meneliti peruntukan undang-undang sedia ada termasuk fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu, penyelidik mendapati bahawa terdapat beberapa isu yang perlu diselesaikan khususnya kes *Zafrin Zulhildi bin Pauzi v Noor Aini Binti Nasron* Kes No: 11300-006-0033-2012 di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu yang diputuskan pada 7 Ogos 2012. Dalam kes ini, Ketua Hakim Syarie Negeri Terengganu telah membuat keputusan bahawa bayi bernama Nur Damia Aqilla binti Abdullah hendaklah dinasabkan kepada kepada Pemohon, Zafrin Zulhildi bin Pauzi. Mahkamah berpandangan bahawa anak tak sah taraf boleh dinasabkan kepada bapa walaupun anak tersebut dilahirkan hanya dalam empat bulan 24 hari daripada tarikh perkahwinan. Walaupun begitu,

Mahkamah memutuskan bahawa pemohon tidak boleh menjadi wali kepada bayi tersebut dan juga tidak boleh saling mempusakai.

Walaupun secara umumnya, tiada peruntukan khusus dan jelas yang melarang atau menghalang Mahkamah Syariah untuk membenarkan permohonan pengesahatarafan anak tak sah taraf yang lahir kurang enam bulan qamariah daripada tarikh perkahwinan, setelah dirujuk fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu, penulis mendapati bahawa keputusan mahkamah ini perlu disemak semula. Ini berdasarkan kepada keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu yang diwartakan pada 6 Januari 2005. Selain Terengganu, negeri Kedah, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka juga telah mewartakan pandangan yang sama.

Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu secara umumnya memutuskan bahawa "*anak tak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh itu mereka tidak boleh pusaka mempusakai, tidak menjadi mahram dan tidak boleh menjadi wali dan tidak diharuskan perkara-perkara yang diharuskan bagi keluarga yang sah tarafnya pada syarak*".

Merujuk kepada fatwa di atas, Mahkamah juga terikat dengan fatwa yang diwartakan ini iaitu tidak dibenarkan menasabkan anak zina kepada lelaki yang menyebabkan kelahiran anak tersebut. Selain daripada itu, anak tersebut tidak boleh mewarisi harta pusaka lelaki tersebut, tidak boleh mahram dan wali serta tidak menjadi tanggungjawab lelaki itu menyediakan nafkah kepada anak tersebut.

Walau bagaimanapun, sekiranya diteliti maksud dan kandungan fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu di atas, ia adalah terlalu umum. Fatwa yang diwartakan adalah tidak terperinci untuk melarang mana-mana pihak untuk menasabkan anak tak sah taraf yang kurang atau lebih enam bulan daripada tarikh perkahwinan. Fatwa tersebut hanya menyebut larangan penasaban anak tak sah taraf tanpa memperincikan hukumnya. Walaupun terdapat keputusan Fatwa yang menyebut secara jelas bahawa anak tak sah taraf itu mesti dibinkan kepada ibunya atau Abdullah bukan ayahnya dalam kes kelahiran kurang enam bulan qamariah daripada tarikh perkahwinan, fatwa bertarikh 5 Disember 1995 itu tidak diwartakan dan seterusnya menjadikan Mahkamah Syariah tidak terikat dengan fatwa tersebut.

## **PENUTUP**

Berdasarkan kepada beberapa persoalan dan isu yang dibincangkan di atas, penulis berpandangan bahawa kes *Zafrin Zulhilmi bin Pauzi v Noor Aini binti Nasron* perlu dibuat semakan. Ini tidak bermakna hakim telah membuat kesilapan undang-undang dan penghakiman di dalam kes ini, tetapi penyelidik mendapati bahawa isu yang melibatkan penasaban anak tak sah taraf yang lahir kurang enam bulan dari tarikh perkahwinan di Negeri Terengganu memerlukan ketetapan yang lebih jelas dari sudut undang-undang. Semakan kes ini pasti boleh membantu untuk menentukan kedudukan undang-undang dan ketetapan Mahkamah Syariah dalam kes seumpama ini.

## **RUJUKAN**

### **Buku**

Jum<sup>h</sup> Muhammad Muhammad Barra<sup>j</sup>. 1999. *Ahkam al-Mirath Fi al-Shar<sup>h</sup>at al-Islamiyyah. al-Ashrafiyyah*: Dar Yafa al-<sup>h</sup>Ilmiyyah.  
al-Sharanbasiyy, Ramadan <sup>h</sup>Aliyy al-Sayyid. 2002. *Ahkam al-Mirath Bayna al-Shar<sup>h</sup>ah Wa al-Qanun*. al-Iskandariyyah: Mansha<sup>h</sup>at al-Ma<sup>h</sup>arif.

### **Akta/Enakmen**

Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957.  
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001.  
Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001.

### **Internet**

Anak Tak Sah Taraf. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/anak-tak-sah-taraf> (diakses pada 31 November 2012).  
Anak Tak Sah Taraf. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/anak-tak-sah-taraf-4> (diakses pada 1 Oktober 2012).  
Berkahwin Dengan Perempuan Yang Mengandung. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/berkahwin-dengan-perempuan-yang-mengandung-0> (diakses pada akses 8 Oktober 2012).

### **Temubual**

Dato' Haji Ismail bin Yahya. Mantan Ketua Hakim Syarie Negeri Terengganu. 21 Oktober 2012.

### **Kes**

*Zafrin Zulhilmi bin Pauzi v Noor Aini binti Nasron.*  
*Wan Khairi Wan Azmi v Farah Nurliliana Jauhari.*  
*Fatimah binti Abdullah dan Zainal Abidin bin Mat Zin v Mat Zin bin Kassim.*  
*Mohamad Kamil Hassan v Salmiah Hussein.*